

22 NOV 1996

Mahathir-Pengganti

SAYA SOKONG ANWAR 100 PERATUS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau memberi sokongan penuh kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai penggantinya.

Perdana Menteri berkata, sokongan itu selaras dengan kehendak anggota Umno yang telah memilih Anwar sebagai Timbalan Presiden parti.

"Saya ikut kehendak parti yang telah memilih Datuk Seri Anwar sebagai pengganti saya dan saya beri sokongan 100 peratus kepada dia," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, kepada pemberita selepas menerima kunjungan 14 wartawan negara-negara Balkan di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan majalah "Asiaweek" yang menyebut kononnya Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin dan beberapa pemimpin kanan Umno sedang berusaha membawa bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) Tengku Razaleigh Hamzah kembali ke dalam kabinet kerajaan dan memegang jawatan dalam Umno.

Laporan itu juga menyebut kononnya Tengku Razaleigh akan mencabar Anwar bagi jawatan Timbalan Presiden semasa pemilihan Umno pada 1999.

Dr Mahathir berkata laporan itu merupakan spekulasi semata-mata oleh sebuah majalah yang ingin meningkatkan jualanannya.

"Tak sepatutnya ada spekulasi tapi orang yang nak jual surat khabar dia buatlah macam itu," katanya ketika ditanya tentang kewajaran penyiaran berita-berita seumpama itu setelah beliau berkali-kali menyatakan sokongannya kepada Anwar sebagai penggantinya.

Beliau mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa kembalinya Tengku Razaleigh ke pangkuan Umno hanyalah sebagai anggota biasa dan tiada sebarang syarat seperti tawaran jawatan tertentu dibuat.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan beliau akan melakukan rombakan besar-besaran dalam Majlis Tertinggi (MT) Umno dan ibu pejabat parti itu pada 28 Nov ini, Dr Mahathir sambil ketawa berkata: "Tunggulah".

Agenda mesyuarat MT minggu depan termasuk upacara angkat sumpah anggota majlis yang dipilih pada perhimpunan agung parti bulan lepas, perlantikan 10 anggota MT oleh presiden dan pengumuman perlantikan bagi jawatan-jawatan di ibu pejabat parti.

Mengenai cadangan penubuhan kerajaan campuran PAS-Umno di Kelantan, Dr Mahathir berkata, setakat ini belum ada perbincangan rasmi antara kedua-dua parti.

Katanya, Umno masih bersikap terbuka dalam soal itu dan tidak akan menolak penubuhan kerajaan campuran jika ia mendatangkan manfaat.

Apabila ditanya sama ada beliau bersedia menemui Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bagi membincangkan lebih lanjut cadangan itu, Dr Mahathir berkata; "Waktu ini saya tak boleh kata perlu atau tidak (perjumpaan antara pemimpin kedua-dua parti). Kalau ada keperluan itu saya sedia berjumpa."

Ketika ditanya sama ada cadangan penubuhan kerajaan campuran itu mungkin taktik PAS untuk memperalatkan Umno bagi membolehkan PAS menyelesaikan pelbagai masalah yang sedang dihadapinya, beliau berkata: "Kita kena timbang dulu apa dia sehingga menyebabkan timbulnya cadangan ini".

Katanya, Umno masih belum membuat sebarang keputusan kerana beliau ingin mendengar dahulu pandangan MT selepas mendapatkan pandangan anggota Umno Kelantan melalui Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa,

yang juga Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno negeri itu. -- BERNAMA  
AH NMO